

Na Tian Piet dan Bayangannya di Dunia Melayu Tahun 1890-an¹

CLAUDINE SALMON

Betul-betul suatu cabaran jika kita mencuba menyelidiki seorang pengarang Tionghoa-Melayu dalam konteks politik zamannya, menelusuri hubungan sosialnya, menyelidiki fikirannya agar dapat menempatkannya dalam sastera dan budaya berbahasa Melayu. Mengenai abad ke-19, selain beberapa sasterawan yang sekaligus juga wartawan, penterjemah dan pemilik percetakan dari Jawa yang relatif cukup dikenali, seperti terutamanya Lie Kim Hok 李錦福 (1853-1912), juga Yap Goan Ho 葉源和 (meninggal pada tahun 1894) dan Tjiong Hok Long 鍾福龍 (1847-1917), boleh dikatakan kita tidak mengetahui apa-apa tentang riwayat hidup penterjemah dan penyair yang pertama yang karyanya telah muncul dalam bentuk cetakan pada tahun 1860-an dan 1870-an. Penyelidikan yang mendalam tentang akhbar-akhbar berbahasa Melayu zaman itu kadangkala masih dapat mengungkapkan maklumat yang bernilai. Sebenarnya, persuratkhbaran ini adalah penghubung antara pelbagai bandar. Para pedagang peranakan dan Arab, demikian juga para pegawai negeri Jawa dan Melayu sangat mendahagakan berita dan karya kesusasteraan – kadangkala sangat berkaitan dengan kejadian mutakhir – yang disampaikannya. Sering pula mereka saling berkomunikasi di antara satu dengan yang lain dengan menulis surat terbuka, dalam bentuk syair atau prosa, yang diterbitkan dalam surat khabar².

Dengan membaca secara tergesa-gesa pelbagai surat khabar, kami telah dapat mengumpulkan dokumentasi yang relatif cukup kaya tentang Na Tian Piet 藍天筆, seorang sasterawan abad ke-19, yang berasal dari Bengkulu, yang kerana pekerjaannya sebagai pedagang, sering bepergian antara Sumatera, Singapura, Pinang dan Jawa. Pada waktu rehat, beliau suka menulis sejenis liputan dan syair, yang kemudian diterbitkannya dalam surat-surat khabar Hindia-Belanda dan Singapura. Dalam tulisan tersebut, beliau melahirkan idea-idea yang reformis, keinginan tahu tentang dunia Barat dan kekaguman kepada Sultan “contoh” dari kerajaan Johor, Abu Bakar (Singapura, 1831 - London, 4 Jun 1895).

PEDAGANG NA TIAN PIET

Jika Na Tian Piet penuh rasa ingin tahu tentang riwayat hidup orang lain³, beliau tetap tertutup tentang kehidupannya sendiri dan hanya secara kebetulan orang dapat membaca beberapa maklumat tentang dirinya dalam tulisan-tulisannya. Beliau dilahirkan sekitar tahun 1836 di Bengkulu, sebuah bandar yang pada tahun 1833 dihuni oleh sekitar 500 orang Cina yang menguasai sebahagian besar

perdagangan wilayah itu⁴. Walaupun beliau tidak mengatakan apa-apa tentang pendidikannya, kita mengetahui bahawa selain bahasa Melayu yang dapat dituliskannya dengan huruf *jawi* dan *rumi*, beliau telah belajar bahasa China dan dapat membacanya⁵ serta memiliki cukup pengetahuan tentang bahasa Inggeris dan Belanda⁶. Kita dapat menduga bahawa beliau telah mengikuti pendidikan di sekolah mubaligh⁷ mengingatkan bahawa beliau beragama Kristian⁸. Kemudian beliau memasuki dunia perniagaan dan secara khas pada penduduk Pulau Enggano. Seperti diberitakan dalam salah satu artikel surat khabar yang dituliskannya, beliau menjual barang-barang Eropah (kapak, tali tembaga, makanan kalengan, cermin dll.) yang dengan bantuan juru bahasa dibarternya dengan kelapa, pisang dan barang setempat lainnya⁹. Beliau juga menjalankan hubungan dengan pedagang dari Palembang¹⁰, Muntok dan Batavia.

Pada tahun 1872, ketika orang Belanda tengah bersiap-siap untuk melancarkan perang Aceh yang terkenal yang akan berlangsung lebih daripada tiga puluh tahun, beliau telah memutuskan untuk pergi menetap di Singapura dengan fikiran untuk meneruskan perdagangan antara pulaunya¹¹. Beberapa waktu kemudian, tetap dengan keluarganya, beliau pergi lagi ke Riau dan baharulah dua tahun kemudian, beliau balik ke Singapura. Pada tahun 1874, mengikuti contoh para pedagang Cina di Pinang, beliau pergi mengadu nasib di Aceh:

“Waktoe negri Atjeh baroe berprang
Pergi berniaga membawak barang
Soeda terdjoeal harga jang larang
Banjak oentoeng nja soedalah terang”¹²

Menurut maklumat yang diberinya tentang harga barang-barang di Pinang dan Aceh, dapat disimpulkan bahawa beliau memberi tumpuan kepada perdagangan barang makanan itu¹³. Disebabkan sakit, beliau kembali ke Singapura untuk berubat, kemudian berangkat lagi pada tarikh yang tidak dijelaskannya¹⁴. Pada tahun 1880-an, beliau menetap selama beberapa tahun di Deli, di mana Sultan Maakmun Alrasyid Perkasa Alamsyah (1857-1924) yang memerintah sejak tahun 1875, dengan amalan bekerjasama dengan Belanda, telah berjaya menarik keuntungan daripada perkembangan ekonomi akibat pembukaan ladang-ladang tembakau:

“Pergi lah beta ka negri Deli
Tinggal di Deli lama sekali,
Beta berkenalkan kebawah doeli
Beginda Sultan Deli jang asali.”

“Beginda Sultan inilah masa
Mamoen Alrasid Perkasa Alamsa

Di dalam negri Deli dia jang kwasa
Sangatlah manis boedi dan bahsa.”¹⁵

Beliau segera menjadi salah seorang sahabatnya dan diundang beberapa kali, terutamanya pada pesta perkahwinan saudara perempuan Sultan dengan Sultan Sulaiman Syariful Alamsyah (1862-1946) dari Serdang yang telah memerintah sejak tahun 1881:

“Waktoe beta lagi tinggal di Deli
Beginda bikin festa besar sekali
Mendjempoet sahabat nja jang terpilih
Segala jang mana soeda dikenali.”

“Baginda kawinkan adinda poetri
Kepada Sultan di Serdang negri
Beginda mendjempoet beta kamari
Didalam festa minta dihadleri.”

Bahkan beliau mengucapkan syarahan yang, menurut apa yang dikatakannya sendiri, telah disambut dengan baik sekali oleh kerabat diraja:

“Beta membri slamat didalam festa
Sangatlah pandei berkata kata
Banyaklah Beginda bersoeaka tjita
Segala orang bersoraklah rata.”

“Dengan girang Beginda bersebda
Slamat nja beta sangatlah enda
Tentoelah di sekola bladjar soeda
Maka boleh demikian nja ada.”¹⁶

Beliau telah sempat ke kesultanan-kesultanan jiran yang beliau memuji-muji kekayaannya: kesultanan Langkat kerana menghasilkan minyak mentah, kesultanan Bengkalis yang telur terubuknya amat diminati pecinta makanan di Hindia Belanda, dan kesultanan Serdang serta Asahan yang terkenal kerana tembakaunya¹⁷.

Pada tahun 1894, beliau meninggalkan Deli untuk selama-lamanya dan kembali ke Singapura tempat anak-anaknya masih berada: salah seorang daripada kedua-dua anak lelakinya, Na Kim Liong, yang telah bekerja sebagai setiausaha di syarikat Robinson & Co¹⁸ dan seorang anak perempuan yang pada tahun 1883 telah berkhawin dengan seorang Cina asal Palembang. Beliau sendiri memiliki sebuah tempat tinggal yang dikelilingi taman di Thompson Road (waktu itu terletak dua batu di sebelah barat laut bandar dari Bukit Timah Road menuju

Seletar, di Selat Johor). Nampaknya di sana beliau hidup tenang dan tidak banyak terlibat lagi dalam perniagaan:

“Sekarang ada tinggal di Singapoera
Kompani Enggris poenja nagara,
Sangatlah ramei tiada terkira,
Segala barang harga nja moera.”

“Tinggal didalam kebon sendiri,
Doedoek diam senangkan diri,
Tinggal tetap didalam negri,
Toelis menoelis setiap nja hari.”¹⁹

Pada suatu masa, beliau melakukan perjalanan-perjalanan pendek sahaja. Beliau pergi ke Palembang beberapa kali untuk menyelesaikan masalah keluarga. Perjalanan itu memberinya peluang untuk mengenal dunia mahkamah di bandar itu, dan nampaknya telah menjalin persahabatan dengan seorang hakim Melayu, seseorang yang bernama Pengiran Mat Agma Akil²⁰. Beliau juga pergi ke Johor sebagai jemputan Sultan, atas syor rakan barunya Mohamed Salleh bin Perang Datuk Bentara Luar (1841-1915), yang merupakan salah satu penggerak pemodenan negeri Johor semasa Sultan Abu Bakar²¹. Beliau mengenalinya melalui kegiatan sastera seperti yang akan kita lihat di bahagian selanjutnya.

Sebuah gambar yang elok sekali daripada Na Tian Piet pada usia enam puluh tahun telah dimuatkan pada awal buku yang diterbitkannya di Singapura pada tahun 1896. Beliau berpakaian hampir seperti orang Barat. Hal ini tidak biasa pada zaman itu untuk orang Cina yang pada umumnya masih mengenakan pakaian kebangsaan dan juga sebuah tocang²², kecuali mereka yang telah mendapat pendidikan di sekolah Inggeris (sebahagian besarnya Peranakan). Beliau mengenakan setangkai bunga pada lubang kancingnya dan memakai jam rantai. Penulis mencatat juga bahawa ketika beliau menghadiri perkahwinan puteri Sultan Abu Bakar pada tahun 1894, beliau adalah satu-satunya orang Cina yang tidak memakai “baju panjang” tradisional “Sahja lihat banyak-lah orang China yang datang dalam perdjumuan kawin itu, memakai badju panjang (*tengsa*), chuma saya sendiri yang berpakai lain macham, hampir seperti pakai-an Eropa.”²³

Sejalan dengan itu, beliau semakin memusatkan diri dalam kehidupan beragama di Singapura. Song Ong Siang 宋旺相 (1870-1941), yang juga penganut Kristian yang progresif dan militan, mengatakan bahawa Na Tian Piet bersama Song Hoot Kiam (1830-1900), ayah Song Ong Siang, dan Tan Kong Wee (1842-1888), termasuk sukarelawan yang membantu para mubaligh Inggeris dengan memberi khutbah dalam bahasa Melayu di Straits Chinese Church, yang terletak di Prinsep Street. Gereja itu telah didirikan pada tahun 1843 oleh Reverend Amerika Benjamin Peach Keasberry (1811-1875)²⁴ yang telah belajar bahasa Melayu daripada Abdullah Munshi yang terkenal dan sampai meninggal memiliki sekolah

sendiri tempat beliau mengajar bahasa Melayu dan Inggeris, serta percetakan sendiri²⁵.

Pada awal tahun 1900, atas permohonan misi Singapura, Na Tian Piet melakukan perjalanan ke Hindia Belanda. Semasa itu, beliau melawati Sumatera, Jawa, Sulawesi, Bali dan Lombok. Di Padang, beliau telah disambut oleh wartawan Dja Endar²⁶. Sebetulnya terdapat dua kakak adik-beradik yang memakai nama itu: Dja Endar Muda dan Dja Endar Bungsu; mereka berasal dari Tapanuli dan sejak tahun 1897, di Padang, memimpin surat khabar *Pertja Barat*, yang telah didirikan oleh Lie Bian Goan pada tahun 1880. Dja Endar Mudalah adalah editor akhbar tersebut²⁷.

Kemudian, Na Tian Piet tidak dapat dikesan lagi. Song Ong Siang hanya mencatat bahawa Na Tian Piet sudah meninggal ketika beliau mulai menulis *One Hundred Years' History of the Chinese in Singapore* yang terkenal, yang diterbitkan pada tahun 1923²⁸.

SASTERAWAN KALAM LANGIT

Untuk mengetahui sejak bila Na Tian Piet memulakan kerjayanya sebagai “koresponden persuratkhabaran”, seharusnya diselidiki semua akhbar paling lama di Jawa dan Sumatera di mana beliau mungkin menulis artikel dari Bengkulu. Semasa itu, kami telah menemui namanya dalam bilangan pertama akhbar *Dinihari* (3 Oktober 1884) yang diterbitkan di Batavia oleh J.A.E. Albrecht, tetapi dengan



Foto 1: Na Tian Piet pada usia 60 tahun, dalam *Shaer almarhoem Sultan Abu Bakar*, Singapura, 1896.

Arnold Snackey sebagai editor, seorang Indo-Eropah yang berasal dari Sumatera pula, seperti yang disebutkan sendiri: “Saia djoega anak poelo Partjo, dan ada djoega darah Melajoe.” Pada awal tahun 1880-an, nampaknya beliau datang untuk menetap di Batavia di mana beliau memiliki sebuah syarikat yang bernama Snackey & Co.²⁹ Pada bulan Jun 1877, beliau masih berada di Padang di mana beliau telah berupaya melancarkan sebuah akhbar dua mingguan *Bentara Melajoe*, yang sempat terbit selama beberapa bulan sahaja³⁰. Beliau sangat tertarik kepada sastera dalam bahasa Minang dan Melayu, dan menambah bahawa beliau telah menterjemahkan sebuah kisah ke dalam bahasa Belanda³¹. Terdapat kemungkinan beliau juga telah mentranskripsikan puisi yang ditulis dengan aksara *Jawi* ke dalam huruf Latin, khususnya *Syair Abdul Muluk* dalam versi yang diperkirakan telah mengilhami rakannya Lie Kim Hok untuk menulis karyanya yang terkenal *Sair Tjerita Siti Akbari* (1884)³². Maklumat-maklumat ini menunjukkan sebuah rangkaian sasterawan menarik yang belum ditemukan contoh yang serupa pada zaman itu.

Teks-teks Na Tian Piet yang dapat kami baca kebanyakannya berasal daripada pertengahan tahun 1890-an. Beliau menggunakan nama samaran Kalam Langit untuk tulisan yang diterbitkan dalam surat khabar. Istilah ini tiada lain daripada transposisi nama peribadinya dalam bahasa Tionghoa, Tian Piet, ke dalam bahasa Melayu:

“Dimasoekan karangan disoerat kabar,
Dewartakan segala pandjang dan lebar,
Kalam Langit nama termoetabar,
Karang mengarang tertip dan sabar.”³³

Sebenarnya, seperti telah kita lihat di atas, mulai saat itu beliau memiliki lebih banyak waktu lapang. Hal itu mungkin menjelaskan kenapa hasil terbitannya begitu melimpah. Dari Singapura, beliau menghantar artikel-artikel ke *Pembrita Betawi*, yang diedit di Batavia oleh kawannya “Toan Francis” – mungkin salah satu saudara G. Francis, yang telah menerbitkan *Tjerita Njai Dasima* pada tahun 1896. Kematian editor itu yang berlaku pada tahun 1895 amat menyedihkan pengarang kita. Beliau menggubah sebuah syair untuk mengenangnya dan menerbitkannya dalam akhbar tersebut³⁴.

Pada awal tahun 1894, Na Tian Piet menerbitkan, juga dalam *Pembrita Betawi*, beberapa tulisan untuk memuji-muji Sultan Johor. Seperti yang dikatakannya sendiri, tulisan itu sempat dibaca oleh Datuk Bentara Luar yang kemudian menjadi sahabatnya:

“Adalah Beginda poenja mantri
Mohamad Saleh nama nja diri,
Satoe orang jang arif bistari,
Datok Bintara Loear pangkat dibri.”

“Datok inilah jang membatjakan warta,
Poedjian beta segala dibrikan njata,
Kepada Beginda dan wazir nja serta,
Segala jang mendengar bersoekea tjita.”³⁵

Datuk Bentara Luar telah menulis surat pertama kepadanya pada bulan Mei 1894 untuk menyampaikan undangan daripada Sultan untuk menghadiri perkahwinan puterinya:

“Ditahoen 1894 boelan Mei 23 hari
Dapatlah soerat dari satoe mantri
Soerat Datok Bintara Loear sendiri
Beginda mendjepoet datang kemari.

“Didalam soerat nja demikian pri
Beginda minta datang di Djohor negri
Datang di festa kawin nja Poetri
Sentap perdjamoean malam hari.”

Sebenarnya, ketika saatnya tiba, Na Tian Piet pergi ke jamuan itu dengan ditemani Datuk Bentara Luar dan akhirnya dijemput makan di meja Sultan bersama Sultan Pahang, Yang Dipertuan Riau, dan sekitar tiga puluh orang kenamaan Melayu serta tiga orang Inggeris dan tiga orang Arab³⁶.

“Tjoema beta sendiri orang Tjina nja
Bersama sentap dengan Beginda nja
Baroelah Beginda kenal beta nja
Sentap perdjamoean dalam astana nja.”³⁷

Dalam sebuah surat yang bertarikh 8 Jun 1894, tetapi yang kami ketahui melalui sindiran oleh Datuk Bentara Luar, Na Tian Piet memohon kepadanya untuk menceritakan riwayat hidupnya secara bertulis. Beliau telah memenuhi permohonan itu³⁸.

Dalam pada itu, di Singapura, sekelompok kecil orang Cina reformis dan beragama Kristian memutuskan untuk melancarkan sebuah surat khabar, *Bintang Timor*. Tujuannya ialah untuk memperkaya budaya dan meningkatkan pengetahuan mereka berbahasa Melayu kepada golongan peranakan Straits Settlements yang tidak memahami bahasa Inggeris dan tidak mengenal huruf China. Editornya ialah Song Ong Siang (dibantu Tan Boon Chin)³⁹ dan pencetak, Song Seck Kum, seorang rakan Na Tian Piet. Kami tidak mengetahui banyak tentangnya, kecuali beliau telah memiliki syarikat Sin Yew Hien Press. Kegiatan mereka mendapat sokongan daripada Datuk Bentara Luar yang nampaknya ingin melihat para peranakan dari Straits Settlements membuka diri kepada dunia moden. Beliau juga ikut menulis, pasti di bawah nama samaran kerana kami tidak ingat

pernah menemui namanya⁴⁰. Walau bagaimanapun, surat khabar yang jumlah cetakannya mencapai 200 naskhah, tidak mendapatkan sambutan yang diharapkan. Pada awalnya akhbar ini harian, kemudian diterbitkan dua minggu sekali sejak 2 April 1895 sebelum dihentikan genap setahun setelah didirikan. Namun, sejak bilangan pertama (yang terbit pada 2 Julai 1894) Na Tian Piet bersemangat memberikan sumbangan tulisan sampai yang terakhir atau sedikit sebelumnya. Kecuali Fathol (besar kemungkinan seorang peranakan Jawi)⁴¹, semua penyumbang lainnya menggunakan nama samaran sahaja (Getah, Si Miskin, Chendor Mata, Tangan Gatal, Lux Orienté, Ta'bleh Tidor...). Di antaranya terdapat seorang rakan Na Tian Piet yang lain yang menggunakan nama samaran Mastari. Penulis itu, yang nampaknya juga adalah penyokong pembaharuan dan pemodenan, menulis ringkasan berita terbaru tentang negeri China, khasnya peperangan China-Jepun yang sangat menarik hatinya. Kadangkala juga beliau bersuka-suka menulis syair, di mana mencampurkan bahasa Melayu dan Hokkien⁴². Satu hal yang menarik, salah satu daripadanya, yang ditulis bertepatan dengan Tahun baru Cina, diberi tarikh menurut kelahiran Maharaja Kuning yang merupakan wira mitos⁴³. Pembaca masa itu amat ingin tahu akan peribadinya, tetapi pimpinan surat khabar menolak untuk mengungkapkan namanya yang benar kepada pembaca yang menanyakannya⁴⁴. Pada pandangan kami, orang tersebut mungkin adalah tokoh pembaharuan Zhang Bishi 张弼士 (atau Thio Tiauw Siat, 1840-1916) yang, sampai sekarang, dikenali melalui tulisan-tulisannya dalam bahasa Cina sahaja⁴⁵. Na Tian Piet menulis esei tentang bandar-bandar dan wilayah-wilayah yang dilawatnya sempena urusan perniagaan. Boleh dikatakan bahawa tulisannya itu termasuk sastera liputan, tetapi kejadian yang dikisahkan itu sering diperhatikan dan dicatat beberapa tahun sebelumnya (seperti yang berkenaan dengan Aceh, Muntok, Deli, dan Pulau Enggano...). Beliau juga menulis catatan-catatan pendek tentang kejadian semasa, atau juga artikel yang mengandungi pelajaran moral, ataupun peringatan kepada rakan-rakan senegeri. Contohnya "Nasehat yang tulus kepada bangsa China", atau juga syair yang dikarang khas sempena kejadian tertentu. Bentuk syair digunakan untuk menyampaikan ucapan selamat pada hari ulang tahun orang kenamaan (Sultan Johor, Ratu Inggeris, Ratu Belanda, isteri maharaja Tionghoa) atau sempena hari-hari raya kalendar Melayu dan Cina, atau juga untuk memuji orang atau kerajaan tertentu. Syair juga dimanfaatkan untuk mengungkapkan rasa persahabatan, kekaguman atau penghormatan kepada orang yang masih hidup atau sudah meninggal dunia. Jadi, selain sejumlah puisi yang ditulis untuk menghormati Sultan Johor, antara tahun 1894 dan 1895, yang baru sebahagian sahaja kami temui semula, pada 1896 Na Tian Piet telah menulis sebuah syair yang panjangnya 200 muka surat untuk mengenang sultan "moden" itu. Kali itu, beliau menerbitkannya dengan biaya sendiri, sebagai penghormatan⁴⁶. Karya itu dimulakan dengan empat buah gambar: almarhum Sultan Abu Bakar, yang gemerlapan dengan pelbagai pingat, Sultanah Katija, Sultan Ibrahim dan penulis sendiri.

DUNIA MENURUT PENINJAUAN NA TIAN PIET

Analisis kumpulan teks yang besar ini, yang diterbitkan antara tahun 1894 dan 1896, memungkinkan kita untuk memerhatikan sudut pandangan Na Tian Piet terhadap dunia di mana beliau hidup. Adalah jelas bahawa beliau telah memikirkan kedudukannya sebagai peranakan yang mengambil bahagian dalam tiga budaya: budaya Cina yang masih disukainya walaupun dikritiknya juga, budaya Barat yang sempat diperhatikannya di wilayah penjajahan Inggeris dan Belanda, dan budaya Melayu yang semua sudutnya beliau ketahui, daripada yang paling “asli” sampai yang paling “maju” yang sangat dipercayainya.

KEMAHARAJAAN CHINA DILIHAT DARI NUSANTARA

Persuratkhabaran dalam bahasa Melayu tahun-tahun 1894-95 telah memuatkan banyak tulisan tentang perang antara China dan Jepun. Sebagaimana telah diketahui, bagi China perang itu berakhir dengan kekalahan yang menyakitkan pada bulan Ogos 1894, disusuli dengan penandatanganan perjanjian Shimonoseki (April 1895) yang mengharuskan China menyerahkan Korea, semenanjung Liaoning, Taiwan dan Kepulauan Pescadores kepada Jepun. Na Tian Piet amat sedih akibat kekalahan itu dan beliau memanfaatkan hari ulang tahun maharaja janda Cixi 慈禧 (Tseu Hsi) pada 7 November 1894 untuk menulis sebuah syair khas yang tidak biasa, kerana beliau sengaja menerbitkannya dua minggu setelah perayaan tersebut. Dengan mengambil risiko dianggap sebagai orang gila (“orang fikir beta orang gila”), beliau menggunakan tulisannya itu untuk menunjukkan dengan jelas ketidaksetujuannya terhadap orang di Singapura, Melaka dan Pinang yang telah merayakan hari ulang tahun sang maharaja tanpa menyedari bahawa mereka semestinya menangi nasib bangsa Cina dan keruntuhan negeri itu.

“Pada hari lahir-nya permesuri
Singapura, Pulau Pinang, Malaka Negri,
Di rajah-kan orang sampei tiga hari,
Ramei-nya tiada dapat terperi.”

“Patut-lah orang banyak bersusah hati,
Kerna bangsa kita banyak yang mati,
Diprang ulih Jepun blom lagi brenti,
Soldadu Jepun brani-lah pasti.”

“Di negri Cina blom sentausa,
Banyak orang tinggal didalam susa,
Takot negri-nya rusak binasa,
Dilanggar ulih Jepun dengan perkasa.”

Beliau juga menyebut hal di mana sang maharaja janda tidak sepakat dengan puteranya, Maharaja Guangxu 光緒 (1871-1908), yang mulai memerintah secara sendiri pada tahun 1889.

“Demikian lagi satu cherita,
Rajah sama Bonda-nya ada berbanta,
Fatsal habis rajah punya harta,
Sebab mantri-nya banyak penjusta.”⁴⁷

Beberapa minggu kemudian, beliau menerbitkan “Nasehat yang tulus kepada bangsa China” di mana beliau mengemukakan dengan lebih jelas lagi sudut pandangannya tentang “kebebalan” atau keterbelakangan rakan sebangsanya dan keinginannya yang ikhlas untuk melihat mereka memperbaiki diri supaya, katanya, “jangan di umpat ulih bangsa yang lain lain”. Beliau menyedari dengan jelas bahawa China adalah negara besar dengan penduduknya yang ramai. Di Singapura sahaja, ditulisnya, “daripada jumlah keseluruhan 180,000 jiwa, terdapat 120,000 orang Cina.” Tetapi, “Deri terlalu banyak orang China dalam Singapura ini, sahingga menjadi kuda dari skalian bangsa orang yang tinggal dalam negri ini dan sampai di lain negri juga ada-nja.”⁴⁸ Yang disentuh di sini jelaslah nasib jelek para kuli Cina di bidang perlombongan dan perladangan di Hindia Belanda. Yang lagi teruk, menurut beliau, “Dan lagi orang bangsa China, sebab dia orang tinggal slalu dalam kebebalannja, sebab tiada mahu membaiki adat lembaga dan peraturan-nja, menurut itu adat nenek moyang yang dahulu kala itu juga ada-nja.” Jika difikirkan, beliau jelaskan, “jikalau kira-nja orang China yang tidak mengerti membacha hikayat-hikayat orang Eropa, atau tiada ada berama-rama’an dengan orang bangsa Eropa, sudah tentu-lah tinggal slalu dalam kebebalan-nja, sebab dia amat sajang membuang-kan adat lembaga dan peraturan nenek moyang-nya yang dahulu kala itu ada-nya.”

Ketika membincangkan perang lagi, beliau menolak idea yang diterima ramai bahawa tentera China kuat kerana jumlah askarnya yang besar. Beliau menunjukkan sebaliknya, bahawa jumlah tidak bermakna apa-apa, jika di satu pihak bangsanya tidak bersatu dan tidak setia kepada kerajaannya, dan di pihak lain jika yang dilawan ialah tentera yang telah menggunakan ilmu peperangan Barat, serta pakaian seragam tentera mereka, yang jauh lebih cocok di medan pertempuran. Beliau mengakhiri artikelnya dengan memerhatikan bahawa dahulu tiada terlampau banyak perbezaan antara China dan Jepun, tetapi negeri yang disebut terakhir itu telah memahami dengan lebih cepat bahawa adat-istiadatnya kurang baik, sehingga perlu dilakukan “pembaharuan” sama seperti hal pakaian yang disesuaikan sebelumnya. Itu merupakan bukti, di mata Na Tian Piet, bahawa dalam dua bidang itu, maharaja Jepun lebih pandai daripada maharaja China⁴⁹. Na Tian Piet mungkin dapat dianggap sebagai penyokong gerakan reformis yang tidak diketahui, gerakan yang memang baru muncul di China, melalui orang seperti Kang Youwei 康有為 (1858-1927), Tan Sitong 譚嗣同 (1865-1898) dan

Liang Qichao 梁啟超 (1873-1929). Mereka juga membandingkan China dan Jepun, manakala reaksi orang Cina Nusantara terhadap perang biasanya memuji-muji bangsa China dan berpuas hati dengan mencemooh bangsa Jepun. Na Tian Piet telah menulis beberapa teks untuk mengkritik sikap ini yang kelihatan pada orang Cina Palembang⁵⁰. Namun demikian, kami tidak memiliki bukti untuk menyatakan beliau telah mengetahui munculnya kesedaran awal di China. Memandangkan cara berbincang Na Tian Piet yang luar biasa bebas, kami berpendapat bahawa idea-idea itu adalah hasil hubungannya yang akrab dengan orang Eropah – khususnya para mubaligh – idea-idea dan institusi-institusi mereka. Perlu dicatat bahawa beliau bukanlah satu-satunya contoh. Pada tahun 1894, Tan Tek Soon (1859-1922), yang pernah belajar di Raffles Institution Singapura serta, pada tahun 1873, meneruskan pelajarannya di Amoy, dan telah banyak berfikir tentang China, bersama Reverend A. Lamont⁵¹ telah menulis sebuah buku tentang “Orang China di negerinya dan di luar negeri”, yang tampaknya bertujuan merangsang fikiran⁵². Namun demikian, perlu diperhatikan bahawa Na Tian Piet telah mengungkapkan idea-idea tersebut dalam bahasa Melayu, manakala semua peranakan lain dari Straits, menuliskannya dalam bahasa Inggeris, misalnya Gu Hongming 辜鴻銘 (1857-1928), Song Ong Siang atau Lim Boon Keng 林文慶 (1869-1957), dan bahawa para penyokong pembaharuan yang lahir di China, tetapi menetap di Nusantara, mengungkapkan pandangan mereka dalam bahasa Cina, seperti Khoo Seok Wan 邱菽園 (1874-1941) dan Zhang Bishi (1840-1916)⁵³.

DAYA TARIK BARAT DAN KOLONIALISME

Di mana-mana, Na Tian Piet harus berdepan dengan kekuatan ekonomi Eropah, baik di Hindia Belanda mahupun di Hindia Inggeris. Terutamanya dia amat terpesona oleh cara orang Eropah memajukan wilayah Deli. Beliau memerhatikan tahap awal eksploitasi minyak mentah di Langkat oleh syarikat Crown Oil yang ikut bersaing di pasaran Pinang dengan kerosin Amerika dan Rusia⁵⁴. Tetapi pada masa itu, produk ini masih merupakan produk mewah untuk digunakan orang kaya sahaja. Beliau lagi terpesona dengan keupayaan memajukan wilayah pedalaman Deli oleh kegiatan para penanam tembakau. Beliau mencatat: “Adapun negeri Deli ini ampir ampir, nasibnya sama juga negeri Singapura, sebentar sahja ramei dan kaya. Maka chuma 15 tahun dahulu negeri Deli ini miskin, dan tiada ramei dan nampak keliling hutan besar sahja. Akan tetapi deri sebab Sultan Deli nasibnya banyak baik⁵⁵, negeri-nya bertambah ramei dan skarang negeri Deli sudah jadi satu negeri besar dan ramei, dan banyak skali gudang orang Eropah dan chop chop orang China dari Pulau Penang dan kedai Malayu dan kedai Kling dan Bombay, sebab di Deli sudah lama ada kreta api (railway)⁵⁶. Slama kreta api ada di negeri Deli, negeri Deli jadi lebih lagi ramei, banyak rumah rumah yang bagus bagus skarang, dan di mana dahulu hutan besar dan kebon tembakau, skarang jadi kampong kampong, beratus ratus rumah batu atap genting.”⁵⁷ Residen

Belanda menarik pendapatan besar daripada penghasilan tembakau. Beliau telah membina tempat-tempat pungut cukai dan mendatangkan sekitar 30,000 orang kuli Cina dan 10,000 orang lain (orang Keling, Jawa, Boyan dan Banjar). Na Tian Piet menambah bahawa Residen harus menghantarkan sebahagian daripada pendapatannya kepada pemerintah Aceh yang harganya mahal sekali bagi negeri Belanda kerana adanya perang. Sultan Deli juga menjadi kaya raya. Tak ada sultan lain di Sumatera yang dapat menandinginya. Beliau menyuruh membangunkan “istana daripada batu dengan tiga tingkat (lihat foto 2), dikelilingi pagar besi yang dilengkapi dengan tiga pintu daripada besi juga⁵⁸.” Sultan telah mengisinya dengan perabot yang didatangkan dari Eropah (cf, lihat foto 3).



Foto 2: Istana Sultan Deli di Medan (Gambar D. Lombard, 1970)



Foto 3: Istana Sultan: contoh perabot (Gambar D. Lombard, 1970)

Tambahan pula, Kompeni Keretapi telah memberikannya sebuah keretapi khas, sama eloknya dengan keretapi yang disediakan bagi para orang kenamaan di Eropah, yang sampai di depan istananya atas perintahnya. Terakhirnya, anak-anaknya belajar di sekolah Barat dan sudah pandai menulis dan membaca bahasa Belanda⁵⁹.

Na Tian Piet betul-betul terpesona dengan teknologi Barat, yang juga dikaguminya melalui kapal wap dengan kelajuannya memungkinkan orang menempuh jarak jauh dalam masa yang singkat, dan munculnya lampu elektrik, yang pada masa itu masih terbatas bagi para orang kenamaan.

“Inilah api jang zaman sekarang
Tjaija nja seperti boelan terang
Orang jang mamakai adalah djarang
Kerna blandja nja sangatlah larang.”⁶⁰

Pengarang kita berasa benar-benar tidak berdaya menghadapi serangan teknologi Barat ini sampai-sampai beliau berfikir bahawa “Adapun didalam dunia, bangsa orang Eropa-lah yang Tuan Allah telah melebihi-kan akal budi-nya, barang siapa yang suka tahu surat-nya dan bahasa-nya, dan pertama rama rama’an pada-nya, sudah tentu-lah orang itu akan menjadi orang yang pintar dan pandai dalam dunia ini ada-nya”⁶¹. Sebenarnya, beliau sering memuji-muji orang Cina dan Melayu yang telah dapat berasimilasi dengan budaya Eropah, contohnya, yang akan kita lihat di bawah ini, Sultan Abu Bakar, dan juga beberapa orang Cina Hindia Belanda yang boleh dikatakan menjadi “naik pangkat” dan yang prestij sosialnya di lingkungan masyarakat setempat Melayu dan Cina juga naik. Perlu diingatkan di sini bahawa sekolah-sekolah kerajaan Belanda hanya dibuka bagi anak-anak bangsawan dan yang lain hanya dapat memasuki sekolah-sekolah yang jumlahnya terlampau sedikit, yang telah dibuka oleh mubaligh dan orang yang telah bersara. Sebagai contoh beliau menyebut bekas kapten Muntok, yang dipanggil orang Baba Pitbusing dan yang sudah meninggal ketika beliau menulisnya pada tahun 1894. Orang itu telah belajar membaca dan menulis bahasa Belanda dengan fasih, dan telah memiliki sebuah kedai barang makanan Barat dengan pelanggan dari seluruh penjuru bandar. Tambahan lagi, beliau juga berjaya menghantar anaknya belajar ilmu perubatan di negeri Belanda dengan biaya sendiri⁶². Contoh lain ialah seorang peniaga besar dari Palembang yang meninggal pada 21 November 1894. Na Tian Piet telah menulis biografinya dengan penuh pujian. Beliau adalah Tan Soe Kiong yang meneruskan pekerjaan bapanya sebagai kontraktor membekalkan kapal-kapal perang yang berlabuh di pelabuhan. Di seluruh bandar, beliau adalah satu-satunya yang dapat berbincang dan menulis secara sempurna dalam bahasa Belanda. Selain itu, beliau mengetahui dengan sangat baik kebiasaan dan peraturan para penjajah, dan dengan kelebihan tersebut beliau menjadi perantara bagi semua orang Arab, Melayu dan Tionghoa. Hal yang menarik ialah Na Tian Piet menjelaskan beliau juga ahli perkumpulan Masuni

(dirinya sendiri sahaja orang China di Palembang ahli di ‘rumah hantu’, masonic lodge). Oleh kerana itu, beliau dapat hidup dan berpakaian ala Barat⁶³. Pada masa itu, hanya perkumpulan Masuni dan gerejalah yang memperlakukan orang Asia secara setara.

Dapat dilihat bahawa peluang untuk memasuki dunia kolonial Belanda cukup terbatas. Menurut Na Tian Piet, keadaannya sedikit lebih baik di Singapura, kerana jumlah sekolah lebih banyak, keadilan lebih setara⁶⁴. Di sana para pedagang Asia kurang tertekan oleh pihak perpajakan dibandingkan di Hindia Belanda.

“Di Singapura senang-lah nyata,
Tiada banyak hukum dan prenta,
Chuma chukei kuda dan kreta,
Tiada di chukei orang punya harta.”

“Rayat dalam Singapura meraja-lah
Tiada banyak denda dan sala,
Smoa makanan murah segala,
Tiada membayar chukei kepala.”

“Tiada seperti India Ollanda,
Banyak pajak chukei dan denda,
Berbagei macham chukei-nya ada,
Segala di chukei harta dan denda.”⁶⁵

Walaupun Na Tian Piet memang terpesona dengan budaya Barat, beliau juga memerhatikan bahawa sangat susah bagi orang Asia untuk memasukinya. Beliau menyentuh sedikit tentang pengaruh Belanda yang semakin kuat dan mencatat bahawa Perang Aceh mahal harganya bagi penduduk setempat. Sejak perang itu bermula, katanya, kerajaan Belanda telah memaksakan sejumlah pajak dan cukai tambahan kepada penduduk Hindia Belanda dan beliau menyenaraikannya⁶⁶. Dalam sebuah syair yang ditulisnya untuk Tahun Baru Cina tahun 1895, beliau mencatat dengan sedih bahawa Lombok telah dimusnahkan oleh Belanda.

“Ollanda itu nama-nya bangsa,
Sedikit hari banyak lah susa,
Skarang sangat-lah termasa,
Negri Lombok sudah binasa.”⁶⁷

Walaupun berpandangan bahawa kerajaan Inggeris lebih baik daripada kerajaan Belanda, beliau menyatakan rasa kesal bahawa Singapura “telah jatuh di bawah ini bahawa nawang bendera Inggeris” pada tahun 1819. Akan ditunjukkan di bawah ini bahawa apa yang dihargainya pada kerajaan Johor, sebagai perbandingan, ialah bahawa negeri itu tetap merdeka sambil melakukan pemodenan.

KESULTANAN JOHOR, ATAU PEMBARATAN YANG BERJAYA

Sultan Abu Bakarlah menjadi penggerak kejayaan tersebut. Beliau telah pandai mengambil daripada Eropah apa yang diperlukan dan bertindak sebagai sekutu sehingga dapat mempertahankan “merdika”, iaitu “moestika” paling bernilai bagi bangsa Melayu, berbeza daripada sultan-sultan lain di Nusantara yang telah jatuh di bawah kekuasaan orang Eropah.

“Tjoema Almarhoem Sultan merdika
Radja Melajoe poenja moestika
Pantas orang Malajoe banjak soeka
Kapada Almarhoem sri padoeka.”

“Negri Sultan jang lain kompani prenta
Ditana India koeliling nja rata
Banjak kompani jang mendapat harta
Sultan nja dapat sedikit njata.”⁶⁸

Menurut Na Tian Piet, kejayaan itu dapat dijelaskan dengan kenyataan bahawa Sultan telah mendapat pendidikan baik di Singapura, daripada Reverend Keasberry yang “telah menyampaikan seluruh pengetahuannya kepadanya”:

“Besar lah soeda doeli Beginda
Diserakan mengadji oleh aijanda
Toe an Keasberry goeroe nja ada
Soerat Inggeris diadjar nja soeda.”

“Apa hilmoe nja didalam dada
Dibri nja segala kepada Beginda
Segala hilmoe nja brapa jang ada
kepada Baginda dibri nja soeda.”⁶⁹

Pada tahun 1861, setelah ayahnya wafat, Abu Bakar dinobatkan menjadi Maharaja. Usianya tepat tiga puluh tahun. Empat tahun kemudian, pada tahun 1865, beliau melakukan perjalanan panjang yang pertama ke Eropah. Sepanjang kehidupannya, beliau sempat empat kali ke sana (pada tahun 1885, 1889, 1892, dan terakhir, menjelang wafatnya pada tahun 1895). Beliau juga telah melakukan perjalanan lain yang tidak tercatat oleh Na Tian Piet, terutamanya ke India pada tahun 1875, ke Hindia Belanda pada tahun 1881, dan ke China serta Jepun pada tahun 1883, diiringi oleh Datuk Bentara Luar⁷⁰. Keterbukaan terhadap dunia luar yang luar biasa ini, ditambah dengan hubungan erat dengan orang Inggeris, menurut Na Tian Piet, telah menjadikan Sultan Abu Bakar pemimpin yang berfikiran paling maju yang mungkin ada masa itu. Oleh sebab sikap politiknya yang bijak, beliau telah berjaya menarik ke negerinya para penanam gambar dan

lada yang berasal dari China, di satu pihak dengan memberi kedudukan khas kepada mereka, di pihak lain dengan mengubahsuaikan wilayahnya (pembangunan jalan keretapi dan pelabuhan moden yang dilengkapi dengan sebuah kumpulan lima buah kapal wap) dan dengan memajukan bandar-bandar Johor Bharu dan Muar, yang dinamakan Bandar Maharani mulai tahun 1887:

“Baroe Beginda doedoek memerenta
Segala jalan diboeat rata
Senang berlari koeda dan kreta
Segala rajjat menaroehtjinta.”

“Bertambah banjak orang Tjina
Datang dari negri mana mana
Pinda di Muar poenja tana
Bertanam gambir banjak disana.”

“Muar bernama Bandar Maharani
Soeda ditoe kar nama nja kini
Sekarang ramei dahoeloe soeni
Banjak orang bertanam tani.”

“Banjak orang orang Tjina disana pinda
Banjak bertanam gambier dan lada
Kreta api nja disana ada
Ini djoega djedjahan Benginda.”⁷¹

Sebenarnya, seorang pemerhati sezaman telah memperkirakan bahawa menjelang akhir pemerintahan Abu Bakar, jumlah penduduk negeri Johor telah mencapai sekitar 300,000 orang, termasuk 210,000 orang Cina dan 50,000 orang Melayu sahaja⁷².

Dengan bantuan pakar Eropah, Sultan menguruskan negerinya dengan mantap dan adil. Secara beransur-ansur beliau memperkenalkan sistem pos (dengan setem yang memuatkan gambarnya), mendirikan sekolah- di mana diajarkan bahasa Inggeris dan ilmu perubatan Barat:

“Negri nja bersi djalan nja rata
Menoeroet Enggris poenja prenta
Sangat lah ramei djangan dikata
Banjak disana koeda dan kreta.”

“Orang Enggris banjak lah ada
Jang ada bekerdja kepada Beginda
Segala pangkat nja ditetapkan soeda
Segala pakaian nja ada bertanda.”

“Ada jang mendjadi goeroe sekola
Soerat Enggris diadjar nja poela
Dikantoor post mendjadi kepala
Kapitein dan lieutenant ada segala.”

“Brapa doctor dan toekang obat nja
Segala orang Enggris jang kerja nja
Demikian djoega dikantoor post nja
Banjak lagi lain lain nja.”⁷³

Berasaskan infrastruktur itu, negeri menjadi makmur dan bagi dirinya sendiri, Sultan dapat membangunkan sebuah istana gemerlapan di ibu kota baru bernama Johor Baru, dan sebuah istana lain, iaitu Tyersall, di Singapura, pada tahun 1892⁷⁴. Di istana yang kedua itulah beliau sering mengadakan majlis besar gaya Barat, termasuk sebuah pesta tari-menari besar pada 14 Januari 1895, dengan dihadiri 600 orang Eropah, 100 orang Melayu dan 50 orang Cina. Pengarang kita, yang juga dijemput menghadiri majlis itu, menceritakan bahawa tetamu telah dihidangkan dengan “wiski, brandi dan soda”, dan “permaisuri” serta isteri Residen turut mengambil bahagian. Na Tian Piet, yang nampaknya tidak mengetahui bahawa salah seorang permaisuri ialah puteri Mads Lange (1806-1856), seorang peniaga Denmark yang telah menetap di Bali, dan The Sang Nio, seorang perempuan Cina setempat, mencatat tentangnya:

“Permeisoeri seperti orang Europa
Sangatlah inda dia poenja roepa
Badan nja gemoek tiada brapa
Djarang sekali boleh berdjoempa.”⁷⁵

Walaupun kekuasaannya besar, Sultan tetap rendah hati serta tidak sombong, dan mengikuti adat-istiadat Eropah:

“Chuma Beginda Sultan sendiri
Yang tiada skali membesarkan diri
Seperti Sultan dibri negeri
Bersembah sujud datang hampiri.”

“Beginda Sultan ada lain rupa
Banyak menurot hadat Eropa
Tausah dudok tiada mengapa
Berdiri sahja bulih berdjumpah.”⁷⁶

Menurut Na Tian Piet, ketika Baginda wafat, seluruh rakyat berduka cita dan mengenakan pakaian perkabungan:

“Brapa riboe Malajoe dan Tjina
 Poetih kepala nja disini sana
 Kain poetih dikopia nja dikena
 Pakei perkaboengan itoelah mahna.”⁷⁷

Penggambaran pemakamannya yang sangat agung (tembakan meriam, hiasan peti jenazah dengan mahkota Sultan di atasnya, permaidani kuning yang dibentangkan antara istana dan makamnya...) dan mengharukan, yang ditemui dalam syair, menunjukkan bahawa semasa hidupnya beliau telah menunjukkan diri sebagai negarawan “moden” dan bersikap toleransi. Kecerdikannya terkenal dari Turki sampai ke China, dua negara yang telah menganugerahinya pingat⁷⁸:

“Dari Almarhoem poenja bidjaksana
 Johor dan Muar kekal ia poenja tana
 Nama nja termashoer di-mana mana
 Termashoer sampei di negri Tjina.”

“Dari sebab itoe Sultan Turki tjinta
 Negri Almarhoem tiada kompani prenta
 Bendera Turki di Johor kota
 Boelan mata-hari gambar nja njata.”⁷⁹

Semua pegawai atasan Inggeris di Singapura dan para diplomat telah menghadiri upacara pemakaman. Para mubaligh Protestan telah membaca doa khas bagi beliau di dalam Dewan⁸⁰, sama seperti Na Tian Piet sendiri yang memohon kepada Tuhan agar memberi kebahagiaan abadi untuk Baginda dan agar kemakmuran yang telah dibangunnya di negerinya berterusan.

“Ya Allah alrahim alrachman
 Toehan lah ada slama nja zaman
 Brilah djiwa nja Sultan boediman
 Di dalam sorga tempat jang aman.”

“Kerna Almarhoem Sultan berbakti
 Terlaloeh moera nja hati
 Brilah djiwa senang brenti
 Di dalam sorga jang sedjati.”

(...)

“Minta negri nja ramei bertambah
 Hadat jang lama jangan dirobah
 Banjak saudagar mendapat labah
 Kepada jang miskin menaroeh hibah.”⁸¹

Supaya dapat mempertimbangkan dengan lebih baik kemodenan pandangan Na Tian Piet terhadap Sultan Johor, syairnya itu dapat dibandingkan dengan syair yang disusun pada tahun 1900, pada kesempatan yang masih belum kami ketahui, oleh seorang pengarang yang tidak mengungkapkan namanya, tetapi menyatakan diri sebagai “Peranakan dari Lingga” (yang pergi ke Pahang), dan bertajuk *Syair Sultan Abu Bakar*⁸². Pengarang itu, walaupun berpihak kepada Sultan, tidak memberi analisis yang terperinci tentang pentadbirannya, tetapi meliputi zaman yang jauh lebih panjang dan membahas perselisihan antara ahli kerabat diraja kesultanan Pahang tahun 1857-1863.

KESIMPULAN

Di akhir analisis ini, dapat disimpulkan bahawa keperibadian Na Tian Piet tidak terbatas pada satu dunia kebudayaan sahaja. Di satu sisi, beliau cukup dekat dengan orang Cina peranakan progresif dari Singapura yang sering bekerjasama dengannya, tetapi oleh kerana beliau berasal dari Sumatera, beliau kurang terpengaruh oleh kebudayaan Inggeris jika dibandingkan dengan mereka, sehingga beliau lebih terikat pada dunia Melayu di mana beliau mempunyai banyak rakan. Baginya negeri Johor merupakan puncak sintesis yang terbaik antara nilai-nilai Barat dan Timur. Sebaliknya China baginya tidak berada di jalan yang benar. Selain itu, secara geografi China jauh daripadanya dan tidak termasuk dunianya.

Ketika beliau menulis syair, tujuannya mungkin, seperti telah dikemukakannya sendiri “sopaija terpoedji di achter zaman”, tetapi terutamanya juga kerana beliau mempunyai pesanan yang ingin disampaikan kepada orang sezaman, iaitu kepada mereka di Nusantara, yang membaca surat khabar dalam bahasa Melayu, tanpa membeza-bezakan. Memang kadangkala beliau menunjukan tulisannya kepada satu “bangsa” (Bangsa Islam, Bangsa China), tetapi dalam hal itu beliau menjelaskannya dalam tajuknya. Pada umumnya, beliau beranggapan bahawa kesusasteraan liputannya, sama halnya dengan artikel-artikel yang berisi kritikan dan syair-syairnya ditujukan kepada semua yang ingin berhenti daripada tidur dan menyedari dunia yang mengelilingi mereka. Oleh kerana itu, seperti yang telah disebut di atas, Datuk Bentara Luar telah memahaminya juga dan suka membaca tulisannya. Ternampak dengan jelas bahawa bagi orang Asia yang berhasrat memberi reaksi terhadap kehadiran orang Eropah, surat khabar dalam bahasa Melayu merupakan sebuah alat yang luar biasa untuk belajar dan saling membantu.

Di samping itu, Na Tian Piet menasihati penduduk Hindia Inggeris dan Hindia Belanda yang kaya agar jangan membazir wang ataupun menabungkannya secara tidak bijak, tetapi menggunakannya untuk berjalan-jalan dan melawati sebanyak mungkin negeri supaya tidak menutup diri dalam dunia mereka “supaya jangan menjadi katak di bawah tempurung klapa”, kerana, tambahnya “apabila dia keluar daripada tempurung itu, bahru-lah dia tahu melihat dunia yang sebenar

nja”. Pengarang kita itu juga meminta orang kaya untuk menulis kisah perjalanan mereka dalam surat khabar berbahasa Melayu agar dapat menjadi panduan bagi calon pengembara dan memberi maklumat kepada mereka yang tidak boleh melakukan perjalanan seperti itu. Beliau menunjukan khasnya Baba Tan Hup Leong muda dari Singapura yang telah bernasib baik kerana sempat melakukan perjalanan sekitar seratus hari dengan kapal laut dan yang telah melawati sekitar 30 negara, termasuk negara nenek moyangnya⁸³.

Setelah kurang lebih berjaya menempatkan Na Tian Piet dalam sejarah Nusantara dan setelah menunjukkan bahawa beliau termasuk dalam sebuah aliran pemikir pembaharuan di sekitar Singapura, perlu juga ditentukan kedudukannya terhadap orang sezaman di Hindia Belanda, di mana nampaknya terdapat juga sasterawan yang “komited”. Di luar Mastari, yang namanya telah disebut di atas, dapat disebut pula nama Intje Ismail yang nampaknya telah menetap di Jawa⁸⁴ dan yang juga menulis dalam akhbar *Pembrita Betawi*, terutamanya untuk mengkritik pelbagai penyalahgunaan dalam masyarakat kolonial. Beliau khasnya telah mengkritik para ketua komuniti Cina. Tetapi, hampir tidak diketahui apa-apa tentang mereka. Hanyalah dengan menyelidiki semua surat khabar dalam bahasa Melayu, baharulah kita mungkin akan dapat membina semula sebahagian daripada sejarah kemunculan kesedaran para pengarang berbahasa Melayu ini yang terperangkap antara sejumlah tradisi yang tidak maju dan sebuah proses pembaratan yang susah untuk diikuti.

LAMPIRAN 1

DIWARTA-KAN KAADA'AN PULAU ENGANO (*BINTANG TIMOR*, 18 MAC 1895)

Apapun warta-nya pulau Engano ini ada amat indah daripada lain-lain pulau. Ini pulau Engano dekat tanah Sumatra, dekat sama negri Bencoolen, ada berpuluh ribu banjak orang-nya dan segala yang lelaki-nya bertelanjang bulat, dan perempuan-nya chuma di-tutup-nya dengan sedikit daun pisang, di pinggang-nya sahja. Dan di pulau itu tiada-nya tertanam padi, sperti pulau yang lain-lain, melainkan dimakan-nya pisang, kladi, dan buah melinjo dan klapa, dan binatang yang ada dalam pulau itu, yang di makan-nya, babi, ayam dan ikan. Adapun dia orang menangkap ikan, bukan-nya dengan seroh, pukut, jaring, dan jala, melainkan dia-nya masok dalam laut itu, dengan bratus orang banyak-nya di keliling-nya ayer laut itu sa'hingga pinggang-nya; bermula dia-nya berdiri jarak satu dengan yang lain, lama lama bahru-lah dia-nya rapat-kan badan-nya dan tangkap ikan itu dengan tangan-tangan-nya sahja; dan dia orang pandei skali bermain senjata lembing, dia berdiri-kan sebatang bambu kira-kira 20 atau 30 depa jauh-nya, dia lemparkan lembing-nya itu, sama juga anak pana, kena di mana tengga-tengah bambu yang berdiri itu. Dalam pulau itu pokok klapa yang sanget banyak-nya, beratus ribu pokok banyak-nya itu; pokok klapa dia orang tiada tanam,

melain-kan buah klapa itu, yan jatuh ditanah tumbuh sendiri-nya, dan amat-lah murah harga klapa di pulau itu, sa'hingga 100 buah klapa dapat dengan 20 cents sahja. Dan jikalau orang mahu membli klapa di pulau itu, musti dia bawa satu jurubahsa. Dagangan yang disukai orang pulau itu, barang, pisau potong kayu buatan Eropa yang murah punya dan kawat tembaga macham-macham keras-nya dan kaling dan chermin muka, dan sebagei-nya. Dalam pulau itu dia orang tiada pakei duit, melainkan barang itu ditukar-kan sahja dengan barang yang ada dalam pulau itu sahja. Orang di pulau itu tiada kupas kulit klapa dengan tangan-nya, melainkan dengan kaki-nya sahja; dia berdiri dengan sepotong kayu panjang, di tikam-kan kulit klapa itu dan kaki-nya yang mengupas-kan kulit klapa itu deri klapa-nya; dan rumahnya, dia buat satu sahja tiang-nya, sama juga rumah burung merpati, dan apabila dia sudah naik di-atas rumah itu, tangga-nya di naikkan di-atas rumah itu, yang ada satu pintu-nya; lagi pintu-nya itu amat kecil dan kira-nya jikalau terbakar rumah-nya itu, sudah pasti-lah ada yang mati terbakar, kerna susah mahu kluar dengan lekas deri pintu lorong amat kecil itu.

Adapun dia-nya tinggal dalam rumah itu beramei-ramei dengan anak bini-nya dan menantu-nya; dan buah melinjo ada banyak pula dalam pulau itu, harga-nya satu gantang harga 5 cents, dan kulit pokok buah melinjo itu, dia orang buat bermacham-macham tali alus dan kasar, jadi dagangan akan di-bawa di negri yang lain-lain; adapun pisang-nya yang banyak itulah pisang tandok, satu pokok chuma suatu seser pisang-nya itu, deri sebab itu pisang-nya ada besar.

Makanan-nya itu pisang, kladi dan buah melinjo; dia parut klapa, dia champurkan, dan dia masak dalam bambu, dan habis dia berdiri-kan bambu itu dekat api, sahingga masak, bahruhlah di-makan-nya; itu-lah makanan-nya sa'hari-hari; dan jikalau dia mahu makan besar, bahru-lah dia orang potong babi atau ayam-nya. Maka orang-nya banyak busok, bau karangan di laut, sebab dia-nya biasa masuk dalam laut, menangkap ikan itu dan dia-orang tiada bikin bersih badan-nya dengan air tawar lagi.

Ada juga klasi-klasi orang Melayu yang pergi di pulau itu; dia kawin sama anak dara pulau itu, jikalau kira-nya kita bli dengan harga S 2 barang-barang yang berguna buat mas kawin-nya satu anak darah, sudah chukop-lah banyak-nya; mana-mana yang sudah buat bini ulih klasi-klasi itu, dia-nya kasi pakei kain baju, dan mandikan dengan sabun slagi dia orang ada dalam pulau itu, dan jikalau dia orang sudah berlayar, itu perampuan mulai bertelanjang kombali, bagaimana biasa-nya.

Adapun pulau itu tanah-nya subor skali, sebab wap-nya pulau itu waktu pagi gelap skali seperti asap rupa-nya, tiada nampak pulau itu. Ada juga kapal, dan prahu yang jalan dekat pulau itu terlanggar di atas karang, pechah kapal dan prahu-nya itu. Akan tetapi deri sebab orang pergi di pulau itu, banyak mendapat untong; ada yang orang masak minyak klapa dalam pulau itu, bawa minyak-nya ke negri yang lain-lain ada-nya, tetapi orang pulau itu ada lebih bodoh daripada orang pulau-pulau yang lain-lain ada-nya.

LAMPIRAN 2

KARYA-KARYA NA TIAN PIET – ESEI BIBLIOGRAFI

...

1884

3 Okt., surat mengenai seseorang bernama Alie Basa dari Bengkulu, dalam *Dinihari* no. 1.

...

1894

2-4 Jul., “Dicheritakan dengan rengkasnja waktu kawin-nja Tuan putri anak-anda Beginda Sultan Jojore”, *B.T.*

1 Ogos, “Perkhabaran chinchu kapal api Ruby yang bawa chandu glap masok di negeri Palembang”, *B.T.*

17 Sept., “Shair dari Palembang”, *B.T.*

3 dan 20 Okt., “Di cherita-kan bagaimana hal ka-ada’an negeri Palembang”, *B.T.*

8-10 Okt., “Satu perkara yang belum tahu jadi didalam negeri Palembang”, *B.T.*

19 Okt., “Shair kiriman”, *B.T.* (balasan atas surat daripada Mastari bertarikh 11 Oktober; melalui akhbar yang sama, pada 16 Januari, Mastari menghantar sebuah syair ucapan terima kasih kepada Na Tian Piet).

20-22 Okt., “Dicheritkan bagaimana hal ka-ada’an orang didalam negeri Palembang”, *B.T.*

24 Okt., “Dicherita-kan orang China deri Sourabaya sudah mati di Singapura, sebab sudah digigit ulih anjing gila di Sourabaya”, *B.T.*

30-31 Okt., “Shair negeri Johore”, *B.T.*

1 Nov., “Sedikit Shair negeri di Singapura”, *B.T.*

12 Nov., “Shair membri selamat hari lahir-nya Putra Makota Prince of Wales di negeri Inggris” (Nov. 9), *B.T.*

17-18 Nov., “Derihal Ka-ada’an negeri Muntok”, *B.T.*

24-27 Nov., “Shair hari lahirnya Permesuri Bonda Beginda Rajah China (pada 7 hari ini bulan)”, *B.T.*

28 Nov., “Sahir orang harak Chinggeh pada 24 hari bulan November”, *B.T.*

1, 3-4 Dis., “Derihal ka-ada’an negeri Deli”, *B.T.*

7 Dis., “Timbangan derihal lima huruf”, *B.T.*

10 Dis., “Derihal wafat-nya (death) Baba Tan Soe Kiong di Palembang”, *B.T.*

13 Dis., “Shaer kiriman kepada mekatib di negeri Palembang”, *B.T.*

15 Dis., “Nasehat yang tulus kepada bangsa China”, *B.T.*

18-19 Dis., “Shaer selamat Bintang Timor’ ”, *B.T.*

22 Dis., “Derihal prang di negeri Aceh”, *B.T.*

31 Dis., “Shaer Selamat Tahun Bahru”, *B.T.*

1895

8 Jan., “Shaer Pujian kapada Tuan Mastari”, *B.T.*

9 Jan., “Deri asal mula-nya orang bikin petasan”, *B.T.*

- 11 Jan., “Surat kepada editor”, *B.T.*
15 Jan., “Di cherita-kan dengan ringkes nya karamai’an pesta menari (Ball) di Istana Tyersall”, *B.T.*
23-24 Jan., “Shaer pesta menari (Ball) dalam Istana Tyersall”, *B.T.*
25 Jan., “Shaer Selamat Tahun Bharu (26 January 1895)”, *B.T.*
5 Feb., “Shaer Slammat Baginda Sultan Johore”, *B.T.*
21 Feb., catatan tentang pelantikan Tio Tiauww Siat sebagai Konsul Umum di Singapura, *P.B.*
1 Mac, “Surat kepada editor”, *B.T.*
6 Mac, “Sjair Berdoeka Tjita”, *P.B.*
6 Mac, “Sha’ir Bulan puasa”, *B.T.*
13 Mac, “Sha’er Slammat Baba Tan Hup Leong blayar”, *B.T.*
18 Mac, “Diwartakan kaada’an Pulau Engano”, *B.T.*
20 Mac, “Sair Slammat Hari raja orang bangsa Islam”, *P.B.*
27 Mac, “Shair Slammat hari raja kepada orang Bangsa Islam”, *B.T.*
27 Mac, “Shair Slammat hari raya kepada Baginda Sultan Johore”, *B.T.*
2 April, “Shair Bintang Timor Bertukar Perhidaran-nya”, *B.T.*
16 April, catatan tanpa tajuk mengumumkan keberangkatan Tan Hup Leong untuk perjalanan keliling dunia, *P.B.*
18 Mei, “Saya membri pujian yang penghabisan”, *B.T.* (untuk memperingati meninggalnya Kho Tiang Bie di Singapura).
25 Mei, “Shaer Slammat hari lahir-nya Sri Beginda Queen Victoria di negri England. 24 May 1895”, *B.T.*
8 Jun, “Shair Slammat hari raja haji”, *B.T.*
20 Jun, “Apa wang bulih buat”, *B.T.*
11-13 Jun, “Shair berduka chita deri Mangkat-nya Beginda Sultan Johore”, *B.T.*
14 Jun, “Diwartakan banjak orang mendapat besar doeka Tjita dari mangkatnja Baginda Sultan Johore pada 5 juni 1895”, *P.B.*
27 Jun, “Samboengan diwartakan dari Mangkatnja Almarhoem Baginda Sultan Johore pada 4 juni 1895”, *P.B.*
2 Julai, “Chermin mata bagei segala manusia”, *B.T.*
2 Sept., “Sair Slammat hari lahirnja Sri Beginda Maharadja Poetri Wilhelmina pada 31 Agustus 1895”, *P.B.*
17 Sept., “Diwartakan dengan ringkesnja zenazah Almarhoem Baginda Sultan Abu Bakar Negri Johore brangkat dari London slammat sampai dalam Negri Johore”, *P.B.*

1896

Shaer Almarhoem Beginda Sultan Abubakar di Negri Johor, Singapura, 200 hlm., gbr.

....

1900-1901

Feb. 1900 – Feb. 1901, “Diwartakan perdjalanan saja moelai dari boelan februari

1900 sampai boelan februari 1901”, *P.B.* (diambil dari *Primbon Soerabaja*, 15 Mac 1901 dan bilangan-bilangan seterusnya).

...

RUJUKAN

- Abdullah bin Mohamed, Dato, 1971. The Travels of Abu Bakar, Maharajah Johore, to the Far East. *Malaysia in History* 14 (1): 3-8.
- Abdurachman Surjomiharjo ed. 1980. *Beberapa segi perkembangan sejarah pers di Indonesia*, Jakarta, Proyek Penelitian Pengembangan Penerangan, Departemen Penerangan R.I., kerjasama dengan Lembaga Ekonomi dan Kemasyarakatan Nasional, Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia (LEKNAS – LIPI), 15.
- Adam, Achmad, 1984. *The Vernacular Press and the Emergence of Modern Indonesian Consciousness (1855-1913)*, Tesis Ph.D. London: School of Oriental and African Studies.
- Adam, Ahmad, B. 1995. *The Vernacular Press and the Emergence of Modern Indonesian Consciousness (1853-1913)*, Ithaca: Cornell University Press.
- Bastin, John, 1965. *The British in West Sumatra 1685-1825. A Selection of Documents, Mainly From the East India Company Records Preserved in the India Office*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Blackmore, Sophia, 1903. A Trip to Palembang. *The Malaysia Message*, 2 Nov: 12-13.
- Boorman, Howard H., ed. 1967-71. *Biographical Dictionary of Republican China*, New York: Colombia University Press (4 jilid).
- Buckley, Charles Burton. 1969. *An Anecdotal History of Old Times in Singapore, from the Foundation of the Settlement under the Honourable The East India Company on February 6th, 1819 to the Transfer of the Colonial Office as Part of the Colonial Possessions of the Crown on April 1st, 1867*, (edisi pertama 1902). Singapore: University of Malaya Press.
- Chen Mong Hock. 1967. *The Early Chinese Newspapers of Singapore 1881-1912*. Singapore: University of Malaya Press.
- Cheng Kuang-yu. 1977. *The Distinguished Overseas Chinese in Singapore and Malaysia, Taipei*” Hwa Kang Press.
- Esah Yusof. 1983-84. *Syair Sultan Abu Bakar Sebagai Sumber Sejarah*, Latihan ilmiah sarjana muda Bangi: Universiti Kebangsaan, Jabatan Persuratan Melayu.
- Franke, W., C. Salmon, A. Siu, 1988. *Chinese Epigraphic Materials in Indonesia*, Singapore: The South Seas Society. (Jilid Sumatra)
- Godley, Michael R. 1981. *The Mandarin-capitalists from Nanyang, Overseas Chinese Enterprise in the Modernization of China 1893-1911*, Cambridge: Cambridge University Press.
- Gould, James W. 1961. *Americans in Sumatra*. The Hague: Martinus Nijhoff.
- Lake, Harry. 1894. Johore. *Geographical Journal* no. 4 (April) dipetik menurut Zakaria bin Haji Mohamed Ali, *The Reign of Abu Bakar of Johore, 1862-1895*, tesis belum terbit, University of Malaya, 1954.
- Loeb, Edwin M. 1972. *Sumatra Its History and People*. Kuala Lumpur: Oxford university Press. (ed. pertama 1935)
- Millies H.D. 1850. *De Chinezen in Nederlandsch Oost-Indië en het Christendom, eene Schets*, t.t.

- Mohammad Said, H. 1976. *Sejarah Pers di Sumatera Utara dengan masyarakat yang dicerminkannya (1885-Maret 1942)*. Medan: Percetakan Waspada, XII.
- Nielsen, A.K. 1928. *Leven en Avonturen van een oostinjevaarder op Bali*, vertaald door Claudine Bienfait. Amsterdam: Querido's Uitgevers Matschappij.
- Pramoedya Ananta Toer. 1982. *Tempo Doeloe*. Jakarta: Hasta Mitra.
- Reid, Anthony. 1969. *The Contest for North Sumatra: Aceh, the Netherlands and Britain 1858-1898*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Rusli Amran, *Padang riwayatmu dulu*, C.V. Yasaguna. 1988, edisi kedua dengan tambahan, 392 hlm.
- Salmon, Claudine. 1981. *Literature in Malay by the Chinese of Indonesia: a Provisional Annotated Bibliography*, Paris : Editions de la Maison de Sciences de l'Homme. (*Archipel* 3)
- _____. 1984. Chinese Women Writers in Indonesia and their Views of Female Emancipation. *Archipel* 28: 149-171.
- Song Ong Siang. 1967. *One Hundred Years' History of the Chinese in Singapore*. Singapore: University Malaya Press (edisi pertama 1923)
- Schlegel, G. 1899. J.W. Young. *T'oung Pao*, 10: 223-25.
- Sudarjo Tjorkosisworo, ed., 1958., *Kenangan sekilas perjuangannya surat kabar; Sedjarah pers sebanga*. Djakarta: Serikat Perusahaan Surat kabar.
- Sweeney, Amin., 1980. *Reputations Live on: an Early Malay Autobiography*. Berkeley: University of California Press.

NOTA

- ¹ Tulisan ini pertama kali diterbitkan dalam Claudine Salmon (ed.), *Le moment sino-malais de la littérature indonésienne*, Paris, Cahier d'Archipel 19, 1992: 9-42. Terjemahannya dalam bahasa Indonesia oleh Ida Sundari Husen telah diterbitkan dalam Claudine Salmon, *Kesusasteraan Indonesia Awal: Kontribusi Orang Tionghoa*, Jakarta, EFEO, Forum Jakarta-Paris, KPG (Kepustakaan Populer Gramedia), 2010: 219-252. Terjemahan dalam bahasa Melayu ini dihasilkan oleh Daniel Perret (EFEO Kuala Lumpur, 2011), berasaskan tulisan dalam bahasa Perancis dan dalam bahasa Indonesia.
- ² Tentang sejarah awal akhbar-akhbar ini, lihat Achmad Adam (1984, 1995).
- ³ Lihat di bawah ini.
- ⁴ Millies, 1850: 35. Ini adalah angka kasar yang diberikan untuk tahun 1820 ketika dilakukan banci masyarakat Cina; lihat. Bastin, 1965: 40, catatan kaki 221: "According to a census taken in that year there were 545 Chinese residents in the Benkulen area."
- ⁵ Lih. *Bintang Timor* (disingkat menjadi *B.T.* di bawah ini) pada 9 Januari, di mana beliau menerbitkan sebuah catatan kecil yang menarik tentang "Asal-usul petasan" (dalam bahasa Hokkien: *phao* 炮). Beliau mengatakan bahawa artikel itu diterjemahkannya daripada bahasa Cina: "Maka perkara ini disalin deri dalam hikayat China ulih Kalam Langit."
- ⁶ Lih. *B.T.* 7 Disember, di mana beliau menyebutkan kajian yang telah dilakukan oleh W. Marsden dan Fr. A. Swettenham tentang ejaan Melayu. Mengenai pengetahuannya tentang bahasa Belanda, bukti yang kami dapati hanyalah penggunaan perkataan bahasa Belanda dalam syairnya tahun 1896, serta juga dalam beberapa teks lain yang

diterbitkan dalam persuratkhabaran. Menurut maklumat peribadi daripada Encik Didi Kwartanada, dalam file Consul Belanda di Singapura (tersimpan di Rijksarchief Den Haag), dalam tahun 1900 terdapat sejumlah surat daripada pejabat Consul Spakler yang memuji Na Tian Piet (yang baru menulis sebuah syair tentang Ratu Wilhelmina) sebagai “kaula negara Belanda yang paling setia di Timur”, dan menyebut bahawa beliau boleh berbahasa Belanda dengan amat baik.

⁷ Menurut sumber lain, pada tahun 1820-an, di Bengkulu terdapat sekolah-sekolah untuk “orang Indonesia” yang diuruskan oleh sejumlah mubaligh; lih. Bastin, 1965, hlm. 188: “The clerical duties of the settlement are, for the present (1822) carried on by the Rd. William Robinson, a respectable member of the Baptist mission residing here, who with considerable liberality, adopts our book of common prayers in his public ministration.” Catatan kaki 441 menjelaskan: “In 1821 he left Batavia for Fort Malborough to join the other Baptist missionaries and with Nathaniel Ward conducted schools in the area for Indonesians.”

⁸ Na Tian Piet jarang menyebut apa-apa tentang hal ini. Beliau hanya menyebut tentang anak perempuannya yang, sebagai penganut agama Kristian, telah bernikah di gereja di Singapura sekitar tahun 1883 (*B.T.*, Oktober 1894): “Ada-lah kira-nya 11 tahun lamanya, saya punya anak perempuan ada kawin sama Baba Palembang, di dalam Singapura, menurut bagaimana orang Christian kawin didalam greja.” Menurut sebuah catatan oleh Sophia Blackmore (1903: 12-13), tampaknya anak perempuan Na Tian Piet sendiri merupakan penganut agama Kristian yang soleh yang menyebarkan agama kepada sesamanya. Walaupun namanya tidak disebut secara jelas dalam teks tersebut, orang tidak lain daripada dia sendiri, kerana cerita-cerita mengenai kejadian-kejadian yang dialaminya di Palembang, khasnya kejadian di mana beliau hanya berjaya mengambil anak perempuannya sendiri di Palembang setelah banyak tindakan, tepat dengan cerita yang dikisahkan Na Tian Piet dalam tulisan lain (lihat di bawah, catatan kaki 20). Sophia Blackmore menjelaskan juga apa yang dialami anak perempuan kecil itu setelah diambil oleh ibunya: “The little girl also returned with us and ever since has been in the Deaconess Home. She has grown to be a bright Christian girl and for the past two years has been teaching in our Kindergarten in the Methodist Girls’ School.” Seperti akan dapat dilihat di bawah ini, melalui Song Ong Siang diperoleh keterangan lebih lengkap tentang kegiatan keagamaan Na Tian Piet di Singapura.

⁹ Lihat *B.T.*, 18 Maret 1895, di mana beliau menerbitkan sebuah artikel menarik tentang Pulau Enggano dan penduduknya yang dapat dibandingkan dengan penggambaran pulau itu yang telah dilakukan oleh Loeb pada tahun 1935 (cetak semula, 1972: 208 dst.). Lihat lampiran.

¹⁰ Lihat *B.T.* 10 Disember, di mana didapati bahawa sejak tahun 1869, beliau adalah rakan pedagang terkemuka di antara mereka, seseorang bernama Tan Soe Kiong, yang menjual kapal perang Belanda pada masa itu.

¹¹ Namun, Na Tian Piet tetap berhubungan dengan orang Cina dari Bengkulu, khasnya Kapten Oei Soei Hoat (atau Wee Swee What, yang telah bertugas dari tahun 1873 sampai tahun 1889 dan kemudian disahkan sebagai Kapten) yang merupakan sahabatnya. Beliau berjumpa dengannya terutama pada tahun 1895, ketika sahabatnya itu datang melawati Straits Settlements; lih. *B.T.*, 18 Mei 1895.

¹² Na Tian Piet, 1896: 2.

¹³ Na Tian Piet, 1896: 2; *B.T.*, 22 Disember 1894. “Dalam tahun 1874 hamba sendiri pergi di negri Acheh, yang hamba sendiri telah mendjual barang-barang, yang hamba

ada-lah menyatakan di-bawah ini, yang mana yang mahal harga-nja, brapa harga-nya di beli, dan brapa harga-nya di jual di Aceh.” Mengenai peranan pedagang dari Pinang, khususnya Zhang Bishi 张弼士 (1840-1917), alias Thio Tiau Siat, calon Konsul Umum China di Singapura (lih. catatan kaki 45 di bawah ini), dalam hal perniagaan dengan Aceh, lihat Reid (1969: 80, 106-108, 116-117, 134, 193, 193, 193-194, 221-222, 260, 265 dan 268). Menurut Schlegel (1899, hlm. 223), pada tahun 1885, sejumlah orang Cina sampai di Aceh dengan muatan senjata api dan peluru bagi para pemberontak Aceh, dan pejabat urusan China bernama J.W. Young, telah dihantar ke sana untuk membuat siasatan.

¹⁴ Lih. Na Tian Piet, 1896: 2.

¹⁵ Na Tian Piet, 1896: 3.

¹⁶ Na Tian Piet, 1896: 3-4.

¹⁷ *B.T.* 1, 3-4 Disember, 1894. Sebetulnya, dalam *B.T.* 2 Julai 1894, dapat dilihat sebuah iklan untuk Crown Oil dari Langkat yang dijual di Singapura oleh syarikat Hooglandt & Co.

¹⁸ Menurut Buckley (1969: 672), syarikat Robinson & Co, yang masih ada sekarang, telah didirikan pada tahun 1858, oleh Philip Robinson dari Melbourne. Di samping itu, Robinson juga menjadi terkenal dengan pendirian “Gospel House” yang terletak di pusat bandar di Bencoolen Street, yang dilengkapi dengan sebuah perpustakaan dan yang menganjurkan pertemuan-pertemuan di sekitar secawang teh.

¹⁹ Na Tian Piet, 1896: 4; Sweeney, 1980: 72.

²⁰ Menurut Sweeney (1980: 72, catatan kaki 1), sempena kematiannya, Na Tian Piet telah menulis sebuah artikel panjang yang dimuatkannya dalam salah satu bilangan *Pembrita Betawi* tahun 1894. Dalam artikel lain yang diterbitkan dalam *B.T.* 8-10 Oktober 1894, beliau menceritakan bagaimana sekitar akhir tahun 1880-an, atau di awal tahun 1890-an, beliau telah terpaksa ke mahkamah untuk mengambil semula cucunya yang perempuan. Setelah kematian nenek di pihak bapa tempat anak itu tinggal, beliau dibesarkan oleh seorang ibu angkat yang menolak mengembalikannya kepada ibu kandungnya. Mungkin sempena perkara inilah beliau berjumpa dengan pendakwaraya Melayu ini.

²¹ Lihat Sweeney, 1980: 72; Na Tian Piet, 1896: 4; *B.T.* 8-10 Oktober 1894.

²² Barulah pada tahun 1898 penyokong pembaharuan terkenal, Lim Boon Keng (1869-1957), melancarkan kempennya untuk menghapuskan tocong di Singapura. Tahun berikutnya, sebuah risalah yang bertajuk *Chreta Fasal Towchang* (“mengenai tocong 頭縱”), diterbitkan oleh Straits Chinese Philomatic Society, sebagai keluaran pertama daripada sebuah koleksi tentang “Pembaharuan-Pembaharuan Straits Chinese.”

²³ *B.T.* 2 Julai 1894.

²⁴ Gereja itu masih tetap ada, tetapi bangunan yang ada sekarang berasal daripada tahun 1931. Namun, di dalamnya masih terdapat kepingan-kepingan tanda peringatan daripada para mubaligh yang pernah bertugas di situ setelah Keasburry, demikian juga sejumlah kepingan tanda peringatan pengkhotbah Cina, tetapi tidak ada nama Na Tian Piet, yang tampaknya tidak diingat lagi di Singapura. Selain itu, menurut maklumat daripada Tan Kek Tiam, seorang kerabat Tan Kong Wee, arkib serta perpustakaan di samping gereja telah dimusnahkan semasa pendudukan Jepun. Catatan sejarah tentang gereja itu oleh Tan Kek Tiam terdapat dalam *The Presbyterian Church in Singapore & Malaya – 90th Anniversary of the Church and 70th. Anniversary of the Synod Commemoration Volume*, 1970: 20-21.

- ²⁵ Lihat Song Ong Siang, 1967: 58-59, 76-79, 240-241. Pada awal tahun 1841, Song Hoot Kiam telah mulai belajar di kolej Inggeris-Cina di Melaka, di bawah pimpinan Reverend James Legge (yang kemudian menjadi profesor bahasa China di Universiti Oxford). Kemudian beliau meneruskan pelajaran di Hong Kong di mana beliau belajar bahasa Kanton sedikit, sebelum ke Inggeris (1846-1848) ditanggung oleh gurunya. Sekembalinya, beliau menikah dengan murid Cik Grant, yang telah tiba di Singapura pada tahun 1843, sebagai wakil perkumpulan yang mempromosikan pendidikan anak perempuan. Beliau bekerja sebagai juruwang untuk sejumlah syarikat Inggeris dan sepanjang kehidupannya melawati gereja di Prinsep Street. Tan Kong Wee merupakan anak seorang penanam lada dan gambir dari Singapura dan telah menerima pendidikannya di Raffles Institution. Beliau telah memasuki agama Protestan ketika masih muda sekali kerana dipengaruhi Song Hoot Kiam dan walaupun keluarganya menentang keputusannya. Agar yakin bahawa kedua-dua anak lelakinya bebas daripada pengaruh tahyul Cina, beliau telah memutuskan untuk meninggalkan Singapura pada tahun 1886 dan pergi menetap di Madras, di mana beliau mendaftarkan mereka di Doveton Protestant College.
- ²⁶ *Pembrita Betawi* (kemudian disingkat *P.B.*), Februari 1900-Februari 1901, di mana beliau menerbitkan tanggapan perjalanannya. Sayangnya, kami tidak sempat membacanya secara terperinci.
- ²⁷ Pada tahun 1909, Dja Endar Muda telah mendirikan *Pewarta Deli* di Medan. Lihat. Sudarjo Tjokrowis-woro, 1958: 249; H. Mohammad Said, 1976: 55 dst., 93 dan 52 untuk sebuah gambaran Dja Endar Muda; Abdurrachman Surjomihardjo, 1980: 66 (kami mendapatkan ketiga-tiga rujukan ini atas budi baik Henri Chambert-Loir); Achmad Adam, 1984: 140.
- ²⁸ Song Ong Siang, 1967: 59.
- ²⁹ Menurut iklan yang dimuatkan dalam *Sinar Terang* pada 20 Disember 1888, syarikatnya terletak di area Pasar Pisang, berhadapan dengan stesen keretapi, dan tidak jauh dari penerbit Goan Hong 源豐, yang didirikan oleh Tjiong Hok Long 鍾福隆 pada tahun 1879. Beliau memiliki sebuah pejabat penterjemahan (*kantor djoeroe bahasa*), bertugas sebagai orang perantara bagi transaksi perniagaan, pembelian bangunan, serta juga pengurus penghantaran. Dapat diperkirakan bahawa akhbarnya, yang terbit setiap dua minggu pada masa itu, tidak sempat bertahan lebih lama daripada akhbar yang dilancarkannya di Padang beberapa tahun sebelumnya. Perpustakaan Nasional di Jakarta hanya memiliki kesembilan bilangan pertama (3-31 Oktober 1884).
- ³⁰ Lihat Achmad Adam, 1984: 85, di mana dilaporkan juga pandangan seorang pembaca masa itu tentang kemungkinan penyebab kegagalan akhbar tersebut: "According to an observation made by J. Klein, the editor of the *Hindia-Nederland*, the Malay language of the *Bentara Melajoe* was too 'high', thus accounting for its failure to attract subscribers in Java." Akhbar itu tidak tersenarai dalam katalog akhbar dari Perpustakaan Nasional Jakarta.
- ³¹ *Bintang Barat*, 30 Januari 1872: "Di dalam *Sumatra Courant*, dari taoen jang linjap no. 103, saia soeda batja toean (Amin) poenja tjerita dari bangsa boeroeng dan dari parasaan sangsara Oenggoes si Barabah. Sebab saia soeda rasa patoet di salin, ijalah saia soeda salin itoe tjerita di Bahasa Ollanda dengan niat aken menaroh salinan itoe di dalam satoe soerat kabar Ollanda, sopaia orang-orang taoe dari kepintaran anak Melajoe."
- ³² Untuk keterangan lebih terperinci tentang hal ini, lihat Salmon (1981: 20-21, 126, nota kaki 29).

- ³³ Na Tian Piet, 1896: 9.
- ³⁴ P.B. 6 Mac 1895. Dua bait pertama dipetik dalam Pramoedya Ananta Toer, 1982: 31.
- ³⁵ Na Tian Piet, 1896: 9. Kejadian itu disahkan oleh Datuk Bentara Luar dalam autobiografinya yang ditulis bagi Na Tian Piet: "Although I have not been close to you for very long, it is enough for me to have heard and read to my heart's content in the *Pembrita Betawi* the details of the articles and writings you have presented in that newspaper. And so it is from there that I have come to know you as a man of wisdom, possessing an intelligence and character worthy of praise, for every piece of writing that you produce contains a generous portion of advice for young people, and shows that you are very fond of praising those people in this world who do good works and possess wisdom, whether they are kings who rule with justice and so on, or even if they are people who are not connected to you in any way." (Sweeney, 1980: 81).
- ³⁶ Lihat *B.T.* 2 Julai 1894.
- ³⁷ Na Tian Piet, 1896: 11 dan 15.
- ³⁸ Teks ini merupakan bab 2 daripada kisah kenangan Mohamed Salleh bin Perang; lih. terjemahan oleh Sweeney, 1980: 71-97. Penulis menceritakan terutama bagaimana beliau mulai belajar bahasa China pada tahun 1861 dan bagaimana beliau juga mulai mempelajari seni lukis dan musik China. Kerana budi baik Puan Lim Puei Huen (kami mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih kepadanya), kami mendapat kesempatan berjumpa dengan seorang cucu Datuk Bentara Luar, iaitu Haji Ismail Nyeh Osman, yang menetap di Johor Bahru, yang menceritakan kepada kami bahawa arkib datuknya tidak pernah disenaraikan dan telah disebar di antara beberapa orang keturunannya.
- ³⁹ Tan Boon Chin (1857-1933) terutama dikenali kerana semangatnya mencari penganut baru; lih. Song Ong Siang, 1967: 78, 245, 248, 255, 268. Beliau dilahirkan di Melaka pada tahun 1857 dan setelah belajar di sekolah Cina setempat selama beberapa waktu, beliau dihantar ke Singapura di tempat bapa saudaranya untuk belajar di Raffles Institution. Pada tahun 1870, setelah kematian ayahnya, yang bekerja di lombong timah di Kelang, beliau terpaksa memutuskan pelajarannya. Beliau bekerja untuk sejumlah syarikat Inggeris sehingga bersara pada tahun 1916. Beliau sangat akrab dengan Song Ong Siang dan ayahnya, kerana beliau telah menikahi salah satu puterinya. Beliau sempat bertugas sebagai editor *Prinsep Street Church Messenger* yang didirikan pada tahun 1908.
- ⁴⁰ Song Ong Siang, 1967: 281: "One of its heartiest supporters and regular contributors was the Dato Bintara Luar of Johore." Hal itu bermakna dari beberapa segi. Pertama-tama, hal itu menunjukkan toleransi bertimbal-balik yang tinggi sekali dari segi agama, kemudian hambatan bahasa antara bahasa Melayu "tinggi" dan "rendah" yang dikemukakan oleh sesetengah pihak, tidaklah sekerap mereka fikirkan.
- ⁴¹ Na Tian Piet, *B.T.* 7 Disember 1894 mencatat: "Tuan Fathol... ada faham dalam ilmu Arabie dan Hindustani."
- ⁴² Lihat *B.T.* 16 Januari 1895, di mana Mastari menulis sebuah syair sebagai jawapan kepada syair yang ditujukan kepadanya oleh Kalam Langit. Untuk itu sidang editor terpaksa menambahkan nota kaki tentang padanan istilah Hokkien dalam bahasa Melayu.
- ⁴³ *B.T.* 25 Januari 1895., "Pantun Selamat Tahun Baru, 4532, Sin Chiaⁿ ju-i 新正如意." Cara menghitung tahun-tahun ini, mulai dengan hari kelahiran atau tahun pertama pemerintahan Maharaja Kuning, Huangdi 黄帝, tampaknya meniru sebuah contoh

- Jepun, yang menghitung tahun sejak kenaikan takhta maharaja Jinmu Tennô 神武天皇 yang bersifat mitos.
- 44 Lihat *B.T.* 18 Ogos 1894: “Siapa Mastari itu?”. Ini tajuk sebuah syair pendek di mana penulisnya, yang memakai nama samaran Dandan Satia, mengatakan bahawa Mastari “seseorang yang memiliki kebijaksanaan, yang sulit ditemukan orang yang sama di antara orang Cina, bahawa bahasa Melayunya tepat sekali (...), bahawa beliau terkenal di seluruh negeri dan bahawa kepandaianya serupa dengan seorang menteri”: *Kerna Iyalah yang bidjaksana/ Payalah didapati di antara China/ Atoeran bahasa Melayu sangatlah kena/... Nama itu sudah mashohor keliling negri/ kapandaianya sama dengan Mentri/*.
- 45 Zhang Bishi, setelah menetap selama beberapa tahun di Batavia di mana beliau menikah dengan seorang puteri keluarga kaya, telah ditawarkan oleh Belanda untuk melabur di daerah Deli. Pada pertengahan tahun 1870-an, dengan bantuan ibu bapa dan para rakannya, beliau telah mendirikan dasar kemaharajaan ekonominya dan menjadi ketua komuniti Cina di Deli. Beliau memegang peranan dalam membekalkan tentera Belanda selama Perang Aceh (lihat nota kaki 13), menetap di Pinang, di mana beliau dilantik menjadi Timbalan Konsul pada tahun 1893, sebelum dilantik sebagai Konsul Umum di Singapura pada tahun berikutnya (1894-1898). Jadi mungkin kedua-dua orang itu telah menjadi sahabat ketika Na Tian Piet tinggal di Sumatera. Untuk mengetahui lebih banyak tentang kerjaya Zhang Bishi, lih. Boorman (1967-1971, jilid I: 90-92) dan Godley, 1981.
- 46 Baik pada kulit depan, mahupun pada halaman pertama buku, tidak terdapat nama penerbit. Yang dapat dibaca hanyalah: “Yang poenja Na Tian Piet.” Selain itu, syair ini berbeza daripada teks yang diterbitkan dalam *Bintang Timor*, kerana ditulis menggunakan ejaan yang berlaku di Hindia Belanda.
- 47 *B.T.* 24 November 1894.
- 48 *B.T.* 15 Disember 1894.
- 49 Idem: “Adapun dahulu kala pakaian-nja dan adat-adat orang Jepun hampir sperti bangsa China juga, akan tetapi sebab di rasa-nya kurang baik adat-nya itu dan pakaian-nya itu, dia chari akal aken membaiki, dan yang mana terlebih baik dalam peraturan negri-nja, dan pakai-an rayat-nya, hamba fikir Raja Jepun ada lebih pandai deri pada Raja China adanya.”
- 50 Lih. syair yang ditujukan kepada koresponden *Bintang Timor* di Palembang (*B.T.* 13 Disember 1894) yang dituduhnya telah memalsukan kenyataan yang sangat merugikan para pembaca.
- 51 Menurut Song Ong Siang (1967, hlm. 265-267), pada tahun 1891, Reverend A. Lamont telah mendirikan Singapore Chinese Educational Institute di Singapura, dengan Tan Tek Soon sebagai pengarahnya. Tujuannya ialah memberi peluang kepada pemuda Cina yang tamat pelajarannya untuk terus mempelajari pelbagai subjek dengan menghadiri ceramah yang diadakan pada Sabtu malam.
- 52 Buku yang bertajuk *Bright Celestials (A Story of Chinese Life) at Home & Abroad*, diterbitkan di London oleh pengarang dengan nama samaran John Coming, Chinaman. Tujuan karya itu dijelaskan dalam Kata Pengantar sebagai berikut: “*Bright Celestials* is a story of Chinese life at Home and Abroad in relation to Christian Missionary enterprise. Its unique characteristic is that it is written from the Chinese point of view. Such questions as those of Opium, Chinese emigration, Secret Societies, the Social Evil, the Christian Missionary Problem and Chinese anti-foreign feeling are

dealt with in relation to Western influence and Christianity. For the facts, in addition to those observed by myself in the East, I am indebted to my Chinese friend, Mr. Tek Soon of Singapore. To that gentleman are also largely due the idea and structure of the story; and in thanking him for his invaluable help, I take the opportunity of gladly acknowledging his co-operation. ... *Bright Celestials* is intended as a tribute to the claims of Old and New China on Western thought and sympathy. If it helps to create an interest in Chinese matters among the British reading public it will have fulfilled the chief purpose of its production.” Menurut Song Ong Siang (1967: 93-94), bapa Tan Teck Soon merupakan salah seorang Cina pertama dari Amoy yang telah dikristiankan oleh Rev. William Burns, dan beberapa tahun kemudian beliau datang di Singapura di mana beliau mendirikan Chinese Mission of the Plymouth Brethren, yang terletak di North Bridge Road, di pusat bandar.

- ⁵³ Untuk lebih banyak perincian tentang Gu Hongming dan Lim Boon Keng, lihat Boorman (1967-1971, jil. II: 251-252 & 386-387), dan Cheng Kuang-yu (1977: 1-54). Untuk Khoo, lihat Chen Mong Hock (1967, hlm. 69); Cheng Kuang-yu (1977: 89-123). Akhirnya, tentang Zhang Bishi, lihat nota kaki 13 dan 45 di atas.
- ⁵⁴ Menurut Gould (1961: 42 dst.), sampai tahun 1888, kebanyakan kerosin yang digunakan di Sumatera terutama diimport dari Amerika. Yang diedarkan di daerah Deli-Medan dihantar melalui Pinang. Pada tahun 1888-lah muatan kerosin Rusia pertama, yang berasal dari Batum, dibongkar di Pinang dan Singapura, dan di Batavia pada tahun 1889. Baru pada tahun 1892, kerosin “Crown” dari Langkat yang disuling dan dimasukkan ke dalam kaleng dengan bantuan pakar-pakar Amerika, diedarkan di pasaran setempat, yang menimbulkan persaingan sehingga harganya menurun.
- ⁵⁵ Perlu difahami bahawa beliau telah bersepakat bekerja sama dengan Belanda, berlainan dengan sultan Aceh.
- ⁵⁶ Deli-spoorwegmaatschappij didirikan pada tahun 1883 dan laluan pertama, Labuan-Medan, dibuka pada tahun 1886, kemudian tiga laluan lain dibangunkan, menghubungkan Medan dengan Belawan, Timbang Langkat dan Tedok Nibung. Laluan keempat menghubungkan juga Tebing Tinggi dan Siantar.
- ⁵⁷ Perlu dicatat bahawa komuniti Cina telah mendirikan rumah topekong besar yang pertama pada awal tahun 1880-an. Batu yang memperingati pembangunan tersebut bertarikh 1885; lih. Franke, Salmon, Siu, 1988: 82.
- ⁵⁸ Yang dimaksudkan ialah Istana Maimun. Menurut tulisan yang tertera pada batu asas, sultan telah meletakkan sendiri batu pertama pada 26 Ogos 1888: “De eerste steen van dit gebouw is gelegd op den 26 Augustus 1888 door Z.H. den Sultan van Deli Mahmoed el Rasjid Perkasa Alam Sja.”
- ⁵⁹ Lihat *B.T.* 1, 3-4 Disember 1894.
- ⁶⁰ Lihat Na Tian Piet, 1896: 29.
- ⁶¹ *B.T.* 20 Oktober 1894.
- ⁶² Lihat *B.T.* 17 November 1894.
- ⁶³ Lihat *B.T.* 10 Disember 1894.
- ⁶⁴ Lihat *B.T.* 8 dan 10 Oktober 1894 di mana beliau menceritakan dengan terperinci pengalamannya dengan mahkamah di Palembang. Na Tian Piet, 1896: 56.
- ⁶⁵ Lihat *B.T.* 1 November 1894.
- ⁶⁶ Lihat *B.T.* 22 Disember 1894: “Deri waktu prang Aceh-lah kompani Olanda akan menambah-kan bermacam-macam chukei dan pajak diatas rayat-nja.”
- ⁶⁷ *B.T.* 25 Januari 1895.

- ⁶⁸ Na Tian Piet, 1896: 182.
- ⁶⁹ Na Tian Piet, 1896: 46.
- ⁷⁰ Lih. Abdullah bin Mohamed, 1971: 5; Sweeney, 1980, bahagian ke-3, di mana terdapat kisah perjalanan ke China dan ke Jepun oleh Datuk Bentara Luar.
- ⁷¹ Na Tian Piet, 1896: 48.
- ⁷² Lihat Lake, 1894: 296.
- ⁷³ Na Tian Piet, 1896: 56.
- ⁷⁴ Istana itu letaknya di distrik Tang Leng, tiga setengah batu dari bandar. Kini tempat itu tetap merupakan milik keturunan Sultan, tetapi istananya telah dirobohkan.
- ⁷⁵ Na Tian Piet, 1896: 35; sebelum menikah dengan Sultan Abu Bakar pada tahun 1870, Cecile Lange sempat belajar di Singapura dan telah melakukan perjalanan ke Kalkutta, Perancis dan Inggeris; lih. Nielsen, 1928: 202-216, yang memuatkan kisah menarik tentang perjumpaan penulis (juga orang Denmark) dengan sang permaisuri.
- ⁷⁶ Lihat *B.T.*, 31 Oktober 1894.
- ⁷⁷ Na Tian Piet, 1896: 152.
- ⁷⁸ Pada tahun 1892, Maharaja Guangxu dari China telah menganugerahkan pingat agung Naga Ganda kepada beliau di istana Tyersall sebagai tanda terima kasih atas sumbangan beliau yang diberikan untuk mangsa banjir yang telah menghancurkan sejumlah daerah di China, dan juga untuk kebaikan beliau kepada rakyatnya yang berasal dari China. Song Ong Siang (1967, hlm. 272) yang menceritakan peristiwanya melaporkan bahawa dalam jawabannya Sultan telah berkata: "The Chinese had done so much for his country that it was no exaggeration to say that, without the Chinese, Johore would never have become what it was and might even have ceased to exist. He added that the Emperor's subjects in Johore were his best friends and his people's best friends, and so long as they remained here, he would never have occasion to entertain any anxiety for its continued welfare and prosperity." Selain itu, Na Tian Piet mencatat (hlm. 135) bahawa kematian Abu Bakar telah diumumkan secara khas kepada negara Turki melalui sebuah telegram, dan bahawa "Segala orang besar nja serta mantri, Pakaiannya menoroet Toerki negri."
- ⁷⁹ Na Tian Piet, 1896: 182.
- ⁸⁰ Iaitu balai penghadapan dalam sebuah bangunan yang telah dibangunkan oleh para peniaga Cina terkemuka masa itu. Kini, dalam ruangan itu tersimpan sebahagian koleksi muzium kesultanan. Masih dapat dilihat di situ ayat-ayat yang berisi puji-pujian bagi Sultan Abu Bakar, yang diukir pada papan kayu yang dipasang pada tiang-tiang yang mengelilingi singgahsana tetapi tidak bertarikh.
- ⁸¹ Na Tian Piet, 1896: 185-6.
- ⁸² Lihat Esah Yusof, 1983-84.
- ⁸³ Lihat *B.T.* 10 Disember 1894; menurut Song Ong Siang (1967: 284), Na Tian Piet tampaknya telah didahului oleh editor akhbar Inggeris, kerana beliau mengatakan bahawa atas permintaan *Straits Times*, Tan Hup Leong telah menerbitkan tanggapannya dalam akhbar itu dalam bentuk surat-surat, dan beliau menambahkan: "[...] and these letters, from the nature of his tour, read like the experiences of the typical American globe-trotter. He was just a fortnight in Great Britain, was wonderfully impressed with the majestic Falls of Niagara, and, after seeing New York and the prodigious height of the buildings there, expressed himself in favour of London." Tetapi mungkin bukan itu yang diharapkan pengarang kita.

- ⁸⁴ Pada tahun 1897, beliau telah menerbitkan sebuah syair yang menakjubkan dalam bentuk buku. Syair diperkirakan dikarang oleh seseorang perempuan yang bernama Nona Tan Tjeng Nio, yang mengesahkan perbuatan perkahwinan yang diatur dan para calon suami yang menikahi perempuan hanyalah untuk mencuri harta mereka (lihat Salmon, 1984: 153-54).

